

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mendapatkan GREAT Wealth Enhancer. Pastikan terma dan syarat am telah dibaca.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) ("Syarikat")
Nama Produk : GREAT Wealth Enhancer
Tarikh : <dd/mm/yyyy>

1. Apakah produk ini?

GREAT Wealth Enhancer ialah pelan endowment tanpa penyertaan dalam keuntungan dengan ciri berkaitan pelaburan, iaitu penggalak pelaburan akan dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan melalui pembelian unit dalam dana berkaitan pelaburan yang dipilih. Pelan ini menawarkan kombinasi manfaat perlindungan dan simpanan. Ia menyediakan manfaat kematian, kematian akibat kemalangan atau Hilang Upaya Total dan Kekal ("TPD") semasa tempoh polisi. Sebagai tambahan, pelan ini juga menyediakan jumlah asurans tambahan jika kematian, kematian akibat kemalangan atau TPD berlaku pada tiga tahun polisi terakhir, penggalak pelaburan pada setiap akhir tahun untuk meningkatkan jumlah nilai pelaburan serta manfaat matang.

Jumlah nilai pelaburan bergantung pada harga yang mendasari unit, yang bergantung pada prestasi dana pilihan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Table with 2 main columns: '1) Manfaat Kematian' and 'Manfaat Kematian'. The 'Manfaat Kematian' column contains a sub-table with 'Tahun Polisi' and 'Manfaat Kematian' (further divided into 'Bukan akibat kemalangan' and 'Akibat kemalangan'). It also includes a 'Nota' section and 'Jadual 1: Jumlah Asurans Tambahan' with a small table showing percentages for different policy terms.

<p>2) Manfaat Kematian akibat Kemalangan ("ADB")</p>	<p>Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia akibat kemalangan sebelum ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 80 tahun hari jadi berikut, suatu peratusan tambahan daripada Manfaat Kematian Dijamin akan dibayar bersama manfaat kematian seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="497 264 1465 465"> <thead> <tr> <th>Kejadian</th> <th>Tambahan Peratusan daripada Manfaat Kematian Dijamin</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kematian akibat Kemalangan</td> <td>100%</td> </tr> <tr> <td>Kematian akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam)</td> <td>200%</td> </tr> <tr> <td>Kematian akibat Kemalangan (Di Luar Malaysia#)</td> <td>300%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> Manfaat bagi Kematian akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam) hanya akan dibayar jika kematian akibat kemalangan berlaku semasa berada dalam Pengangkutan Awam##, atau sebagai penumpang dalam lif atau lif elektrik; atau kebakaran sebarang teater atau pawagam, hotel atau bangunan awam lain yang mana hayat yang diasuranskan berada di situ semasa kebakaran bermula. Bagi kematian akibat kemalangan, hanya salah satu manfaat sama ada Kematian akibat Kemalangan, Kematian akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam) atau Kematian akibat Kemalangan (Di Luar Malaysia), mana yang berkenaan, akan dibayar. Kematian akibat Kemalangan tertakluk pada maksimum RM2,000,000 di bawah polisi ini dan semua polisi yang lain (termasuk pelan asas dan rider, jika ada) yang menyediakan manfaat kemalangan seperti dikeluarkan Syarikat bagi saluran agihan ini ke atas hayat diasuranskan yang sama. Kematian hayat yang diasuranskan hendaklah berlaku dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kemalangan. <p>#Jika kematian akibat kemalangan berlaku semasa hayat yang diasuranskan menetap atau melancong di luar Malaysia melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut, Syarikat hanya akan membayar manfaat sama ada Kematian akibat Kemalangan atau Kematian akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam), mana yang berkenaan.</p> <p>##Pengangkutan Awam bermaksud jenis pengangkutan berlesen seperti tersedia untuk masyarakat umum serta membawa penumpang yang membayar tambang dari satu tempat ke tempat lain mengikut jadual menggunakan laluan yang ditetapkan sebagai tujuan utama. Pengangkutan Awam termasuklah sebarang bas awam, teksi berlesen, kenderaan perkongsian daripada penyedia perkhidmatan berdaftar, limousin lapangan terbang, kereta api, monorel, pesawat komersial dan feri berlesen. Takrif ini tidak termasuk kereta kabel, sebarang bentuk pengangkutan yang disewa bagi perjalanan persendirian atau pengangkutan yang tidak berlesen.</p>	Kejadian	Tambahan Peratusan daripada Manfaat Kematian Dijamin	Kematian akibat Kemalangan	100%	Kematian akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam)	200%	Kematian akibat Kemalangan (Di Luar Malaysia#)	300%			
Kejadian	Tambahan Peratusan daripada Manfaat Kematian Dijamin											
Kematian akibat Kemalangan	100%											
Kematian akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam)	200%											
Kematian akibat Kemalangan (Di Luar Malaysia#)	300%											
<p>3) Manfaat TPD</p>	<p>Jika TPD berlaku sebelum ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 70 tahun hari jadi berikut, manfaat TPD akan dibayar seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="481 1355 1449 1841"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Tahun Polisi</th> <th colspan="2">Manfaat TPD</th> </tr> <tr> <th>Bukan akibat kemalangan</th> <th>Akibat kemalangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 – 2</td> <td> a) premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah ditolak penggalak pelaburan keseluruhan yang telah dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan; dan b) premium yang tidak diperuntukkan (jika ada) dan nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) berdasarkan harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya. </td> <td> a) Manfaat Kematian Dijamin; dan b) Jumlah nilai pelaburan, jika ada, yang dikira berdasarkan NAV pada tarikh penilaian yang berikutnya. </td> </tr> <tr> <td>3 dan selanjutnya</td> <td> a) Manfaat Kematian Dijamin; dan b) Jumlah nilai pelaburan, jika ada, yang dikira berdasarkan NAV pada tarikh penilaian yang berikutnya. </td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>Manfaat TPD akan dibayar tertakluk seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Manfaat Kematian Dijamin tidak melebihi RM10,000,000 akan dibayar secara 3 kali ansuran tahunan iaitu bayaran pertama dibayar dalam satu jumlah sekali gus daripada Manfaat Kematian Dijamin atau RM2,000,000, mana yang lebih rendah, dan baki Manfaat Kematian Dijamin (jika ada) akan dibayar secara dua kali ansuran tahunan yang sama nilai. 	Tahun Polisi	Manfaat TPD		Bukan akibat kemalangan	Akibat kemalangan	1 – 2	a) premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah ditolak penggalak pelaburan keseluruhan yang telah dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan; dan b) premium yang tidak diperuntukkan (jika ada) dan nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) berdasarkan harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya.	a) Manfaat Kematian Dijamin; dan b) Jumlah nilai pelaburan, jika ada, yang dikira berdasarkan NAV pada tarikh penilaian yang berikutnya.	3 dan selanjutnya	a) Manfaat Kematian Dijamin; dan b) Jumlah nilai pelaburan, jika ada, yang dikira berdasarkan NAV pada tarikh penilaian yang berikutnya.	
Tahun Polisi	Manfaat TPD											
	Bukan akibat kemalangan	Akibat kemalangan										
1 – 2	a) premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah ditolak penggalak pelaburan keseluruhan yang telah dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan; dan b) premium yang tidak diperuntukkan (jika ada) dan nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) berdasarkan harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya.	a) Manfaat Kematian Dijamin; dan b) Jumlah nilai pelaburan, jika ada, yang dikira berdasarkan NAV pada tarikh penilaian yang berikutnya.										
3 dan selanjutnya	a) Manfaat Kematian Dijamin; dan b) Jumlah nilai pelaburan, jika ada, yang dikira berdasarkan NAV pada tarikh penilaian yang berikutnya.											

	<ul style="list-style-type: none"> Manfaat TPD maksimum yang dibayar di bawah ini dan semua polisi insurans (termasuk rider) ke atas hayat yang sama ialah RM10,000,000 bagi setiap hayat (tidak termasuk polisi berkelompok). <p>Jumlah nilai pelaburan, jika ada, yang dikira berdasarkan NAV pada tarikh penilaian yang berikutnya akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus apabila Manfaat TPD pertama dibayar.</p>				
4) Penggalak Pelaburan	<p>Suatu peratusan (%) daripada premium tahunan keseluruhan seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah akan dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan pada setiap akhir tahun, sehingga kematian, TPD atau serahan polisi, mana yang berlaku dahulu. Apabila penggalak pelaburan telah dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan anda, ia tidak lagi dijamin dan nilainya akan naik turun berdasarkan prestasi aset dana yang anda laburkan.</p> <p>Penggalak Pelaburan:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Akhir Tahun Polisi</th> <th>% daripada Premium Tahunan Keseluruhan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Akhir Tahun Polisi	% daripada Premium Tahunan Keseluruhan		
Akhir Tahun Polisi	% daripada Premium Tahunan Keseluruhan				
5) Manfaat Matang	<p>Semasa polisi berkuat kuasa, jika hayat yang diasuranskan masih hidup pada tarikh matang bagi polisi, perkara berikut akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus, tertakluk pada terma dan syarat:</p> <p>a) X% daripada premium tahunan keseluruhan ditolak penggalak pelaburan keseluruhan yang telah dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan; dan</p> <p>b) Jumlah nilai pelaburan, jika ada, yang dikira berdasarkan NAV pada tarikh penilaian yang berikutnya.</p>				
Tempoh perlindungan	<Policy Term> tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.				

Manfaat Penepian dan Pembayar										
CI Premium Waiver Rider										
Premium yang akan diketepikan apabila Kejadian yang Dilindungi (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari) berlaku kepada hayat yang diasuranskan	RM<total premium waived> setahun									
Tempoh perlindungan	<Rider's term of assurance>tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.									
Payer Waiver Extra Rider										
Premium yang akan diketepikan apabila pembayar mengalami TPD sebelum ulang tahun polisi apabila mencapai umur 70 tahun hari jadi berikut atau meninggal dunia atau Kejadian yang Dilindungi (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari) berlaku	RM<total premium waived> setahun									
Tempoh perlindungan	<Rider's term of assurance>tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.									
GREAT Wealth Enhancer Payer										
Premium yang akan diketepikan jika pembayar mengalami TPD sebelum ulang tahun polisi apabila mencapai umur 70 tahun hari jadi berikut atau pembayar meninggal dunia, tertakluk pada terma dan syarat berikut:	RM<total premium waived> setahun									
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Akhir Tahun Polisi</th> <th>TPD atau Kematian bukan akibat kemalangan</th> <th>TPD atau Kematian akibat kemalangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 – 2</td> <td>Semua premium rider yang telah dibayar akan dikembalikan</td> <td>Semua premium keseluruhan masa depan akan diketepikan</td> </tr> <tr> <td>3 dan selanjutnya</td> <td>Semua premium keseluruhan masa depan akan diketepikan</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Akhir Tahun Polisi	TPD atau Kematian bukan akibat kemalangan	TPD atau Kematian akibat kemalangan	1 – 2	Semua premium rider yang telah dibayar akan dikembalikan	Semua premium keseluruhan masa depan akan diketepikan	3 dan selanjutnya	Semua premium keseluruhan masa depan akan diketepikan		
Akhir Tahun Polisi	TPD atau Kematian bukan akibat kemalangan	TPD atau Kematian akibat kemalangan								
1 – 2	Semua premium rider yang telah dibayar akan dikembalikan	Semua premium keseluruhan masa depan akan diketepikan								
3 dan selanjutnya	Semua premium keseluruhan masa depan akan diketepikan									
Tempoh perlindungan	<Rider's term of assurance>tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.									

Nota: Manfaat di atas tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi. Sebarang hutang di bawah polisi akan ditolak terlebih dahulu daripada manfaat dan tuntutan yang dibayar.

Dana yang Dipilih:

Tahun Polisi		
Dari	Hingga	

Peringatan: Sila baca risalah pernyataan dana kerana ia memberi penerangan berkenaan objektif dana berkaitan pelaburan. Pemilihan pelan atau kombinasi dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda amat penting.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

	Anggaran Premium Yang Anda Perlu Bayar	Tempoh Premium
Premium Asas ¹		<Premium payment term> tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.
CI Premium Waiver Rider ²		<Rider's premium payment term> tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.
Payer Waiver Extra Rider ²		<Rider's premium payment term> tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.
GREAT Wealth Enhancer Payer ¹		<Rider's premium payment term> tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.
Jumlah		

Nota:

- Jika anda membuat Penambahan Premium Tunggal, Syarikat akan memperuntukkan 95% daripada Penambahan Premium Tunggal untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. 5% daripada premium yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada pengantara dan perbelanjaan lain Syarikat.

¹ Premium akan kekal sama sepanjang tempoh premium.

- ² Premium keseluruhan yang anda perlu bayar dan terma polisi mungkin berbeza mengikut keperluan pengunderaitan Syarikat. Kadar premium adalah tidak dijamin dan mungkin meningkat pada ulang tahun polisi. Syarikat berhak menyemak semula premium pada ulang tahun polisi dengan memberikan anda notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari terlebih dahulu. Semakan semula, jika ada, akan menggambarkan pengalaman tuntutan kami atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan untuk semua polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu. Namun, Syarikat mungkin menyemak semula premium bagi Payer Waiver Extra Rider setelah rider berkuat kuasa selama 5 tahun dan semakan semula, jika ada, akan dihadkan pada maksimum 20% daripada premium bagi rider sedia ada.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- Cukai perkhidmatan semasa yang dikenakan kerajaan akan ditambah pada premium yang dinyatakan dalam soalan 3 di atas, bagi premium yang dibayar oleh organisasi perniagaan selain daripada Syarikat.
- Caj pengurusan dana – Sila rujuk ilustrasi jualan bagi caj pengurusan dana dan risalah pernyataan dana untuk maklumat lanjut bagi dana berkaitan pelaburan yang dipilih. Caj pengurusan dana tidak dijamin dan mungkin disemak semula pada ulang tahun polisi dengan memberi notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu kepada anda.

5. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

- Kepentingan untuk membuat pendedahan – Anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan (jika berkenaan) dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh memerhati bebas – Anda boleh membatalkan polisi dengan memulangkan polisi insurans dalam tempoh 15 hari selepas anda menerimanya. Syarikat akan membayar balik:
 - semua premium yang telah dibayar tanpa faedah termasuk premium rider (ditolak bayaran perubatan yang ditanggung, jika ada); dan
 - premium yang tidak diperuntukkan (jika ada) dan nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) berdasarkan harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya.
- Serahan - nilai tunai hanya akan dibayar selepas premium bagi dua (2) tahun polisi penuh telah dibayar dan jumlah nilai pelaburan (jika ada) yang dikira berdasarkan NAV pada tarikh penilaian yang berikutnya. Sebarang rider yang dilampirkan akan ditamatkan.
- Jumlah nilai pelaburan – Jumlah nilai pelaburan bergantung pada harga yang mendasari unit, yang bergantung pada prestasi dana.
- Premium keseluruhan – Premium pelan asas, tidak termasuk sebarang premium rider dan premium yang telah dibayar terlebih dahulu.
- Premium tahunan keseluruhan – Premium keseluruhan pelan asas yang perlu dibayar untuk satu tahun polisi, tidak termasuk premium rider.
- Tempoh tenggang –Tempoh tenggang selama 30 hari daripada setiap tarikh premium perlu dibayar diberi kepada anda untuk membayar premium berikutnya.

- Prosedur tuntutan – Sila layari greateasternlife.com/my bagi maklumat lebih lanjut berkenaan prosedur tuntutan Syarikat.
- Tempoh menunggu - Kelayakan bagi manfaat di bawah polisi hanya akan bermula selepas tempoh menunggu yang dikira dari tarikh risiko berkuat kuasa telah tamat.

Nama Pelan	Keadaan	Tempoh Menunggu
CI Premium Waiver Rider	1) Kanser 2) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 3) Serangan Jantung 4) Penyakit Arteri Koronari Serius	60 hari
	Semua Kejadian yang Dilindungi lain	30 hari
Payer Waiver Extra Rider	1) Kanser 2) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 3) Serangan Jantung 4) Penyakit Arteri Koronari Serius	60 hari
	Semua Kejadian yang Dilindungi lain	30 hari

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

Pelan Asas
<p>i. Kematian semasa tahun polisi pertama dari tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian, disebabkan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.</p> <p>ii. Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat TPD jika TPD bagi hayat yang diasuranskan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian. • disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras. • disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa. • akibat hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan. • akibat hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan. • akibat peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak. <p>iii. Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang Manfaat Kematian akibat kemalangan atau manfaat TPD akibat kemalangan sebelum ulang tahun polisi kedua atau Manfaat Kematian akibat Kemalangan bagi sebarang kecederaan yang mengakibatkan kehilangan, disebabkan mana-mana perkara berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:</p> <ul style="list-style-type: none"> • bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras. • penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit, atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak disebabkan dan akibat daripada belahan atau luka kemalangan. • peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan. • daripada tindakan sebarang angkatan bersenjata, atau daripada kemalangan atau keganasan yang berlaku kerana kewujudan keadaan konflik bersenjata. • penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa. • hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh hayat yang diasuranskan atau mengelak daripada ditangkap. • hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan. • semasa hayat yang diasuranskan berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh pakar perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika hasil ujian pernafasan, darah atau air kencing melebihi had berikut; <ul style="list-style-type: none"> - 35mcg alkohol bagi setiap 100ml pernafasan - 80mg alkohol bagi setiap 100ml darah - 107mg alkohol bagi setiap 100ml air kencing • kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad pada terjun lelabah, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam

air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila hayat yang diasuranskan akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut.

- kelahiran anak, kehamilan dan/atau sebarang komplikasi daripadanya.
- radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear.
- penglibatan hayat yang diasuranskan dalam komando atau tugas/latihan pemusnahan bom.

iv. Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang Manfaat Kematian akibat Kemalangan jika kemalangan berlaku sebelum tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.

CI Premium Waiver Rider

- Kejadian yang Dilindungi sedia wujud sebelum tarikh risiko berkuat kuasa.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Payer Waiver Extra Rider

- Kematian yang berlaku dalam tahun polisi pertama akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi sedia wujud sebelum tarikh risiko berkuat kuasa.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi disebabkan pembayar melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi disebabkan pembayar memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika pembayar memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
- TPD disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.

GREAT Wealth Enhancer Payer

- Kematian semasa tahun polisi pertama disebabkan bunuh diri.
- TPD disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras.
- TPD disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
- TPD berlaku sebelum tarikh permulaan risiko.
- TPD akibat peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
- TPD disebabkan pembayar melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang.
- TPD disebabkan pembayar memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika pembayar memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.

7. Bolehkah saya membatalkan pelan ini?

Ya, anda boleh membatalkan polisi atau sebarang rider yang dilampirkan dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. Namun, anda tidak dinasihatkan untuk memegang polisi ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Membeli polisi hayat adalah satu komitmen jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium semasa tempoh tenggang selama 30 hari, polisi anda mungkin luput melainkan ia mempunyai nilai tunai dan/atau jumlah nilai pelaburan. Amaun tunai yang dibayar oleh Syarikat apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang mungkin berkurangan daripada amaun premium keseluruhan yang anda telah bayar. Jika anda dapati dana yang dipilih tidak lagi bersesuaian, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana.

8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda/penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda/penama dengan sepatutnya.

9. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan insurans hayat serta insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk www.mycoverage.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat	: Menara Great Eastern 303, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur.
Tel	: +603 4259 8888
Faks	: +603 4259 8000
Customer Service Careline	: 1300-1300 88
E-mel	: wecare-my@greataeasternlife.com

10. Apakah jenis pelan lain yang serupa?

Sila semak dengan pengantara anda atau terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

JUMLAH NILAI PELABURAN ADALAH BERLANDASKAN PRESTASI YANG MENDASARI ASET DAN PRODUK INI BUKAN SUATU PRODUK PELABURAN SEBENAR SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA MESTILAH MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN YANG DIPILIH MEMENUHI RISIKO DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH PREMIUM. BAGI MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI "PENAMBAHAN". PULANGAN KE ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN. MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS PELAN YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Syarikat atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Untuk maklumat berkenaan pemprosesan data peribadi dan hak anda ke atas data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi yang dipaparkan dalam laman web greataeasternlife.com, atau dapatkan salinan dari Pegawai Perkhidmatan kami.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.